

Pelajar USIM beri khidmat bantuan kemanusiaan

SEREMBAN 28 Okt. - Seramai 18 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menimba pengalaman berharga apabila berada dalam situasi bencana di negara Kemboja bagi menghulurkan pelbagai bantuan kemanusiaan di bawah program Global Islamic Student Outreach (GISO).

Menurut pelajar tahun empat program Kimia Industri, Fakulti Sains dan Teknologi (FST) universiti berkenaan, Syukri Misenan, program itu dinamakan sebagai misi 'A Step For Changes Across The Mekong' yang bertujuan membantu masyarakat Islam monoriti di Kampung Ampel, Kemboja yang baru sahaja ditimpa musibah banjir yang besar.

Katanya, program itu dijayakan bersama Al-I'tisam Relief Program (ARP) telah menyaksikan sendiri penderitaan yang dihadapi penduduk terlibat, di mana sebahagian besar kediaman, tanaman dan ternakan musnah akibat banjir.

"Pasukan USIM tiba dari Lapangan Terbang Phenom Penh ke Kampung Ampel tersebut dengan masa lebih enam jam melalui laluan tanah merah yang tidak rata.

"Kehadiran kami dan anggota ARP disambut baik oleh penduduk Kampung Ampel, walaupun jelas kelihatan suasana yang begitu menyedihkan selepas tragedi banjir, apatah lagi kehidupan mereka yang miskin," ujarnya di Nilai, dekat sini hari ini.

Tambahnya, di kampung terbabit terdapat 50 kediaman, di mana penghuninya terlibat secara aktif dalam aktiviti pertanian terutamanya penanaman padi dan nelayan sebagai sumber kehidupan kerana kawasan itu dipengaruhi dengan kedudukan geografi berhampiran Sungai Mekong.

"Selama seminggu berada di negara terbabit, pasukan USIM telah mengadakan pelbagai aktiviti bersama mereka termasuklah pembangunan jasmani, rohani dan intelektual.

"Perbezaan bahasa menyukarkan komunikasi yang baik, tetapi dengan adanya bantuan penterjemah maka aktiviti yang dijalankan itu dapat dilakukan.

"Kita adakan pemeriksaan kesihatan, gotong royong membersihkan kediaman, agihan sumbangan, sukaneka dan kelas al-Quran bersama penduduk," ujarnya.

Tambah Syukri, pihaknya telah berjaya mengumpulkan pelbagai sumbangan terutama daripada Permodalan Nasional Berhad (PNB), pertubuhan bukan kerajaan dan individu untuk diserahkan kepada penduduk di Kampung Ampel, Kemboja itu.

"Sebanyak 273 bungkusan makanan harian, alat kelengkapan solat, naskah al-Quran, pakaian serta wang tunai kira-kira RM4,000 telah diberikan kepada penduduk terlibat," kata Syukri.



WAKIL Universiti Sains Islam Malaysia (baju merah) melihat kerja-kerja membuat baja kompos oleh penduduk setempat di Kampung Ambel semasa misi bantuan kemanusiaan di Kemboja, baru-baru ini.